

## “INTEGRITI DALAM PEKERJAAN”

6 JANUARI 2023 | 13 JAMADILAKHIR 1444 H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ  
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala**

Khutbah pada hari ini cuba memberi kefahaman tentang maksud integriti. Integriti bermaksud kejujuran dan ketelusan, inilah sebahagian daripada nilai-nilai penting (akhlak mulia) yang berperanan untuk membina tingkah laku dan sahsiah manusia untuk menjadi mulia. Contoh integriti yang perlu diikuti ialah sunnah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Baginda telah memaparkan sunnah (cara hidup) dirinya sebagai hamba Allah yang berintegriti tinggi (bersifat jujur), sehingga dikenali sebagai 'al-Amin', yang bererti 'yang sangat dipercayai' di kalangan masyarakat Baginda.

Empat nilai keperibadian dan sifat terpuji Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang mendokong maksud serta menjadi teras kepada nilai integriti iaitu As-Siddiq (berkata benar), Amanah (dipercayai), Tabliq (menyampaikan), Fatanah (bijaksana). Seperti yang disebutkan dalam Al-Quran:

Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam Surah al-Ahzab ayat 21:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

**Yang bermaksud:** “Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu contoh teladan yang terbaik (iaitu) bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat dan banyak menyebut serta mengingati Allah (dalam masa susah dan senang).”

Sifat seseorang yang berintegriti adalah sifat seseorang yang berakhlak mulia yang membentuk keluarga bahagia dan harmoni berlandaskan nilai-nilai Islam yang berpaksikan akidah tauhid bagi menyelesaikan kemelut peribadi, keluarga, organisasi dan negara.

Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala yang menceritakan kejujuran dan ketelusan Nabi Musa A.S. seperti yang disebutkan dalam surah Al-Qasas ayat 26:

قَالَتْ إِحْدَاهُمَا يَا أَبَتِ اسْتَجِرْهُ إِنَّ خَيْرَ مَنِ اسْتَجَرْتَ الْقَوِيُّ الْأَمِينُ

**Yang bermaksud:** “Berkata salah seorang daripada mereka (dua orang anak perempuan Nabi Syu'aib alaihis salam): ‘Wahai ayah, ambillah dia (Nabi Musa alaihis salam) menjadi orang upahan (bagi mengembala kambing kita).”

*Sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah.”*

Ayat ini membawa maksud kepimpinan Nabi Musa Alaihis Salam yang berintegriti kerana Baginda telah melaksanakan tugas dengan penuh amanah, sempurna dan kejujuran yang sangat tinggi.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala**

Sifat seseorang muslim yang berintegriti adalah bersifat amanah dan bertakwa kepada Allah Subhanahu wa-Ta’ala seperti yang disebut dalam Al-Quran surah Al-Anfal:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمْنَتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٧﴾

*Yang bermaksud:* “Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya).

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala**

Manusia yang tidak menegakkan nilai integriti iaitu tidak jujur dan tidak amanah akan menyebabkan seseorang itu terjerumus ke dalam aktiviti kemaksiatan seperti khususnya mengamalkan amalan rasuah dan mengakibatkan kepincangan dalam sesebuah keluarga dan kehidupannya.

Allah Subhanahu wa-Ta’ala menegaskan dalam surah al-Baqarah ayat 188:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدُّوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٨﴾

**Yang bermaksud:** “Dan janganlah kamu memakan (atau mengambil) harta (orang lain) antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan berbuat dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).”

Jelaslah kepada kita bahawa maksud integriti ialah sifat-sifat mulia yang terdapat dalam al-Quran dan juga sunnah ikutan dari Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam khususnya sifat jujur dan amanah yang sepatutnya ditanam dan diserapkan dalam diri kita.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala**

Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan integriti iaitu bersifat jujur, telus dan amanah yang bermaksud seseorang yang sentiasa suka melakukan amalan yang baik untuk mencapai keredaan Allah Subhanahu wa-Ta’ala dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Firman Allah Subhanahu wa-Ta’ala dalam surah al-Baqarah ayat 195:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٩٥﴾

**Yang bermaksud:** “Dan belanjakanlah (harta bendamu) di jalan Allah (untuk menegakkan agama Allah) dan janganlah kamu mencampakkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan (dengan bersikap bakhil) dan berbuat baiklah kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berbuat baik.”

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ  
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.